

Usuluddin (931)

PRESTASI KESELURUHAN

Pada tahun ini, bilangan calon yang mengambil mata pelajaran ini ialah 848 orang. Peratusan calon yang lulus penuh ialah 71.70%, menurun sebanyak 0.80% berbanding dengan tahun 2010.

Pencapaian calon bagi mata pelajaran ini mengikut gred adalah seperti yang berikut:

Gred	A	A–	B+	B	B–	C+	C	C–	D+	D	F
Peratusan	5.42	7.43	9.56	12.73	14.62	11.09	10.85	10.61	5.31	3.77	8.61

RESPONS CALON

KERTAS 931/1 (TAUHID DAN MANTIK)

Komen am

Secara keseluruhannya, prestasi calon pada tahun ini adalah rendah berbanding dengan tahun-tahun sebelumnya. Kebanyakan calon tidak berupaya untuk memberikan dalil al-Quran sewaktu menghuraikan hujah mereka. Bagi soalan ilmu mantik yang melibatkan tokoh, calon agak sukar menjawabnya dengan baik kerana calon tidak memberikan penekanan terhadap tajuk ini.

Komen soalan demi soalan

BAHAGIAN A: Tauhid

Soalan 1

Soalan (a) menghendaki calon menerangkan empat ciri persamaan antara nabi dengan rasul berdasarkan dalil al-Quran. Kebanyakan calon dapat memberikan persamaan antara nabi dengan rasul dengan tepat tetapi mereka tidak mampu untuk memberikan dalil dari al-Quran. Antara jawapan yang diberikan oleh calon termasuklah lelaki, terdiri daripada golongan manusia, dan lain-lain. Soalan (b) pula menghendaki calon memberikan pandangan mereka tentang perbezaan antara nabi dengan rasul. Segelintir calon tidak dapat memberikan jawapan yang tepat. Jawapan yang sepatutnya ialah nabi dan rasul berbeza dari segi bilangan, syariat yang dibawa, penurunan kitab, dan lain-lain lagi.

Soalan 2

Soalan (a) menghendaki calon menjelaskan takrif akidah Islam berserta ciri-cirinya. Kebanyakan calon tidak dapat memberikan takrif dengan tepat. Akidah Islam merupakan akidah yang melimpahi hati dan membuahkan amal soleh. Calon juga tidak dapat menyatakan ciri akidah Islam dengan tepat kerana mereka keliru antara ciri akidah Islam dengan ciri agama Islam. Jawapan yang sepatutnya ialah bersifat ilmu, bersifat teguh, fitrah, dan lain-lain lagi. Soalan (b) menghendaki calon membincangkan pernyataan tentang akidah Islam yang mantap berupaya membentuk insan yang positif dan bahagia dalam kehidupan. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan tepat.

Soalan 3

Soalan (a) menghendaki calon menjelaskan empat faktor luaran yang menyebabkan kemunculan beberapa mazhab dan aliran pemikiran Islam selepas kewafatan Rasulullah SAW. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Antara jawapan yang diberikan oleh calon ialah kemasukan bangsa *Ajam*, perluasan wilayah Islam, penterjemahan buku falsafah dan lain-lain lagi. Soalan (b) pula menghendaki calon menghuraikan aliran pemikiran luaran yang telah mempengaruhi perkembangan akidah Islam di Malaysia. Kebanyakan calon tidak dapat menjawab soalan ini dengan baik kerana mereka kurang maklumat berkaitan aliran ini. Kebanyakan calon hanya menghuraikan isu yang berkaitan dengan gejala sosial, keruntuhan akhlak, dan juga penyelewengan akidah. Jawapan yang sepatutnya ialah calon menghuraikan bagaimana aliran, seperti Syiah, Anti-Hadis, Islam Liberal, Humanisme dan lain-lain mempengaruhi perkembangan pemikiran akidah Islam di Malaysia.

Soalan 4

Soalan (a) menghendaki calon menerangkan pendapat *Ahli Sunah wal Jamaah* tentang sifat Allah. Hanya sebilangan kecil calon yang memilih untuk menjawab soalan ini dan mereka tidak dapat memberikan jawapan dengan tepat. Jawapan yang sepatutnya diberikan oleh calon ialah menafikan sebarang bentuk sifat kekurangan bagi Allah, sifat Allah tidak boleh difikirkan oleh akal, tidak boleh *ditakwil*, dan lain-lain lagi. Soalan (b) pula menghendaki calon membandingkan pendapat golongan *al-Muktazilah* dengan ulama *salaf* tentang sifat Allah. Kebanyakan calon tidak dapat menjawab soalan ini dengan baik kerana mereka kurang maklumat. Antara jawapan yang perlu diberikan oleh calon seperti golongan *al-Muktazilah* mentakwilkan ayat yang menunjukkan Allah menyerupai makhluk, manakala ulama *salaf* berpendapat sifat Allah tidak boleh *ditakwilkan* dan tidak dapat difikirkan oleh akal manusia.

Soalan 5

Soalan (a) menghendaki calon menghuraikan metodologi al-Quran dalam membenteng akidah yang benar dan mengisbatkan kebenarannya. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan tepat. Mereka dapat menghuraikan metodologi al-Quran dari sudut ketuhanan, kenabian, perkara *sam'iyat*, wahyu al-Quran, dan lain-lain lagi. Soalan (b) menghendaki calon menganalisis metodologi al-Quran dalam membuktikan kenabian Nabi Isa dan menolak dakwaan ketuhanannya. Kebanyakan calon tidak dapat memberikan dalil dari al-Quran untuk menyokong hujah yang mereka berikan. Antara jawapan yang diberikan oleh calon termasuklah mendedahkan bahawa Nabi Isa ialah manusia biasa, menjelaskan dakwah Nabi Isa untuk mengesakan Allah, dan lain-lain lagi.

Soalan 6

Soalan ini menghendaki calon menjelaskan perkembangan riwayat *Israiliyyat* dalam tafsiran al-Quran dan kesannya terhadap akidah Islam. Kebanyakan calon tidak dapat menjawab soalan ini dengan baik. Mereka tidak dapat menghuraikan perkembangan riwayat *Israiliyyat* dengan lengkap. Jawapan yang perlu diberikan oleh calon seperti bermula dengan pergaulan dengan ahli kitab, pertanyaan daripada para sahabat, ahli kitab memeluk Islam dan yang terakhir penulisan karya tafsir yang longgar. Calon juga tidak dapat mengupas kesan perkembangan riwayat *Israiliyyat* dengan baik. Jawapan sepatutnya yang diberikan oleh calon ialah hilangnya kepercayaan umat Islam terhadap ulama *salaf*, umat Islam hilang arah dan matlamat sebenar, umat Islam mula mempercayai perkara tahyul dan perkara yang merosakkan akidah, dan lain-lain lagi.

BAHAGIAN B: *Mantik*

Kumpulan 1: *Mantik Klasik*

Soalan 7

Soalan (a) menghendaki calon menjelaskan keupayaan dan peranan akal manusia dari perspektif al-Quran dan hadis. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Antara jawapan yang diberikan oleh calon ialah akal berupaya untuk berfikir, membuat analisis, membuat keputusan, dan lain-lain lagi. Akal pula berperanan mencari rahsia alam, memahami ajaran agama dan wahyu Ilahi, memilih sesuatu yang baik, dan lain-lain lagi. Soalan (b) pula menghendaki calon membincangkan pandangan Imam al-Ghazali tentang hakikat akal manusia. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Antara jawapan yang diberikan oleh calon termasuklah akal sebagai anugerah dari Allah, akal manusia mampu menerima segala bentuk ilmu dalam bentuk teori atau praktikal, akal mampu memahami hubungan antara sesuatu gejala, dan lain-lain lagi.

Soalan 8

Soalan (a) menghendaki calon memberikan maksud *al-Istidlal al-Mubasyir* serta bahagiannya. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. *Al-Istidlal al-Mubasyir* ialah mencari hukum *tasdiqi* yang tidak diketahui sebelumnya dengan perantaraan hukum *tasdiqi* yang telah diketahui. Soalan (b) pula menghendaki calon memberikan rumusan tentang syarat *tanaqud* berdasarkan pernyataan yang diberikan. Calon tidak dapat menjawab soalan ini dengan tepat. Jawapan yang perlu diberikan oleh calon seperti bercanggah antara dua *qadiyyah* dalam bentuk *Kaif*, bercanggah antara dua *qadiyyah* dalam bentuk *Kam*, bercanggah antara dua *qadiyyah* berlaku dalam *Jihat*, dan lain-lain lagi.

Soalan 9

Soalan (a) menghendaki calon menjelaskan lima faktor yang menyebabkan berlakunya kesilapan dalam berfikir. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Antara jawapan yang diberikan oleh calon ialah tidak mengetahui kaedah dan metode berfikir dengan betul, tidak teliti dalam proses berfikir, termasuklah menguasai atau memahami sesuatu bahasa dengan baik, dan lain-lain lagi. Soalan (b) pula menghendaki calon memberikan penilaian tentang penyataan yang diberikan. Kebanyakan calon tidak dapat menghuraikan penilaian mereka dengan baik. Mereka tidak menghubungkan kait pandangan para ulama, seperti Imam al-Ghazali, al-Farabi, Ibn Sina, dan lain-lain tentang hukum mempelajari Ilmu Mantik.

Kumpulan 2: *Mantik Moden*

Soalan 10

Soalan (a) menghendaki calon menjelaskan konsep *mulahazah* dan syarat kesempurnaannya dalam metode kajian ilmiah. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. *Mulahazah* ialah pemerhatian saintifik yang dijalankan oleh pengkaji dengan niat melalui penumpuan kepada kajian bersama-sama dengan persediaan yang rapi dan lengkap serta cuba untuk memahami dan menganalisis peristiwa. Soalan (b) pula menghendaki calon menghuraikan perbezaan antara *mulahazah* dengan *tajribah*. Kebanyakan calon tidak dapat menjawab soalan ini dengan baik. Jawapan sepatutnya yang diberikan oleh calon ialah *mulahazah* melibatkan pemerhatian gejala alam tabii manakala *tajribah* melibatkan proses dalam makmal.

Soalan 11

Soalan (a) menghendaki calon memberikan pengertian *takmim al-Hukm* berserta prinsipnya dalam mantik moden. Tidak ramai calon yang menjawab soalan ini dan mereka tidak dapat menjawabnya dengan tepat. *Takmim al-Hukm* ialah penyataan tentang teori kajian yang telah melalui proses *istiqlal* ilmi dengan

disokong oleh data yang empirikal. Prinsip *takmim al-hukm* ialah prinsip sebab-musabab dan *Qanun al-i'tirat*. Soalan (b) pula menghendaki calon merumuskan faktor-faktor kesalahan dalam membuat *takmim al-hukm*. Kebanyakan calon tidak mampu menjawab soalan ini dengan baik. Antara faktor kesalahan dalam membuat *takmim al-hukm* seperti terlalu ghairah membuat hukum secara menyeluruh, membuat hukum berdasarkan teori dan bukti yang tidak lengkap dan lain-lain lagi.

Soalan 12

Soalan (a) menghendaki calon memerihalkan latar belakang Ibn Haytham. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Mereka mampu memberikan nama penuh Ibn Haytham, tempat lahir, tarikh lahir, tarikh meninggal, gelaran yang diberikan, latar belakang pendidikan, dan lain-lain lagi. Soalan (b) pula menghendaki calon menghuraikan sumbangan Ibn Haytham dalam bidang mantik moden. Kebanyakan calon tidak dapat menjawab soalan ini dengan baik. Antara sumbangan beliau seperti memperkenalkan metode *mulahazah*, *tajribah*, *an-nazahah*, dan lain-lain lagi.

Kertas 931/2 (ULUM AL-QURAN DAN ULUM AL-HADIS)

Komen am

Pada umumnya, mutu jawapan calon pada tahun ini adalah baik dan memuaskan. Namun begitu, terdapat kelemahan calon untuk mengemukakan dalil al-Quran atau hadis. Calon juga didapati lemah menjawab soalan yang berbentuk perbandingan, perbincangan, mengeluarkan hujah, memahami maksud istilah. Selain itu calon kurang memahami kehendak soalan dan tidak mempunyai maklumat yang cukup untuk menjawab soalan. Oleh hal yang demikian, mereka tidak dapat menjawab soalan dengan baik.

Komen soalan demi soalan

BAHAGIAN A: Ulum Al-Quran

Soalan 1

Soalan (a) menghendaki calon menerangkan lima perbezaan antara pembukuan al-Quran yang berlaku pada zaman Sayidina Abu Bakar r.a dengan zaman Sayidina Uthman Ibn Affan r.a. Kebanyakan calon tidak dapat memberikan perbezaan ini dengan tepat. Perbezaan pembukuan ini merangkumi aspek pengumpulan, penulis, pencadang, bilangan dan lain-lain lagi. Soalan (b) pula menghendaki calon memberikan pengertian *Rasm Uthmani* dan menjelaskan empat keistimewaannya. Kebanyakan calon tidak dapat menghuraikan pengertian *Rasm Uthmani* dan keistimewaannya dengan lengkap. *Rasm Uthmani* merupakan *mushaf* al-Quran yang digunakan dan dipersetujui oleh Sayidina Uthman r.a untuk menulis kalimah-kalimah al-Quran dan huruf-hurufnya. Antara keistimewaannya seperti bersifat *Tauqifi*, salah satu dari rukun bacaan al-Quran, *mushaf* yang *mutawatir*, dan lain-lain lagi.

Soalan 2

Soalan (a) menghendaki calon memberikan takrif wahyu dan menjelaskan peranan wahyu kepada individu dan masyarakat. Kebanyakan calon dapat memberikan takrif wahyu dengan lengkap, namun mereka tidak dapat menjelaskan peranan wahyu dengan baik. Antara peranan wahyu kepada individu seperti dapat memandu Muslim agar patuh kepada Allah SWT, memandu akal supaya berfikir dengan baik, dan lain-lain lagi. Peranan wahyu kepada masyarakat pula adalah dapat menguatkan hubungan kemasyarakatan atas dasar akidah, menjaga kepentingan umum, dan lain-lain lagi. Soalan (b) pula menghendaki calon menghuraikan cara wahyu diturunkan, iaitu sama ada melalui perantaraan malaikat Jibril a.s atau tidak. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan tepat.

Soalan 3

Soalan (a) menghendaki calon menerangkan lima hikmah penurunan al-Quran secara beransur-ansur kepada Nabi Muhammad SAW dalam konteks dakwah. Kebanyakan calon tidak dapat menjawab soalan ini dengan tepat kerana mereka tidak memahami kehendak soalan. Jawapan yang sepatutnya diberikan oleh calon ialah menunjukkan Allah sentiasa mengambil berat terhadap diri Rasulullah SAW, memberikan keteguhan dan keyakinan kepada nabi, menjadikan nabi sentiasa bersabar, dan lain-lain lagi. Soalan (b) pula menghendaki calon menjelaskan lima hikmah penurunan al-Quran secara beransur-ansur dari aspek hukum syariah. Kebanyakan calon tidak dapat menjawab soalan ini dengan tepat. Jawapan yang sepatutnya diberikan oleh calon ialah memudahkan umat Islam mengaplikasikan amalan syariah, umat Islam dapat menerima hukum Islam dengan mudah dan rela hati, agar manusia tidak terkejut, dan lain-lain lagi.

Soalan 4

Soalan (a) menghendaki calon menerangkan lima syarat yang perlu dimiliki oleh seseorang *mufasssir* semasa mentafsirkan al-Quran. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Antara jawapan yang diberikan oleh calon ialah niat dan tujuan *mufasssir* betul, *mufasssir* seorang yang jujur, tidak mengisi tafsirannya dengan perkara-perkara yang tidak penting, dan sebagainya. Soalan (b) pula menghendaki calon menganalisis lima ciri yang terdapat dalam *Tafsir bi al-Ma'thur* dan *Tafsir bi al-Ra'yi*. Kebanyakan calon tidak dapat menjawab soalan ini dengan baik kerana mereka tidak dapat membezakan kedua-dua tafsir ini dengan baik. Jawapan yang sepatutnya diberikan ialah *Tafsir bi al-Ma'thur* berdasarkan kepada bahan-bahan yang sahih, tidak merujuk kepada hadis-hadis *mawdu'uk*, dan sebagainya. Ciri *Tafsir bi al-Ra'yi* pula merupakan tafsir yang pemahamannya berdasarkan kepada *ra'yu* semata-mata, merujuk kepada amalan penganut mazhab, dan sebagainya.

Soalan 5

Soalan (a) menghendaki calon memerihalkan biodata al-Zamakhshari dan Fakhruddin al-Razi. Kebanyakan calon hanya dapat memerihalkan biodata Fakhruddin al-Razi sahaja. Calon seharusnya memberikan nama penuh, tempat lahir, tahun kelahiran, tempat meninggal, tahun meninggal, dan kepakaran kedua-dua tokoh tersebut. Soalan (b) pula meminta calon membincangkan metodologi penulisan kitab tafsir karangan al-Zamakhshari dan Fakhruddin al-Razi. Kebanyakan calon hanya menjawab metodologi penulisan untuk salah satu tokoh yang dikehendaki sahaja. Antara metodologi penulisan yang digunakan oleh al-Zamakhshari seperti beliau mempertahankan fahaman *Muktazilah* dalam mentakwilkan ayat al-Quran, mengemukakan pandangan sendiri dalam membahaskan persoalan berkaitan bahasa Arab, dan sebagainya. Metodologi penulisan yang digunakan oleh Fakhruddin al-Razi pula ialah beliau menerangkan hubungan sesuatu ayat dengan ayat yang berikutnya, memberikan penerangan dan ulasan yang jelas, menolak pendapat ahli falsafah, khasnya dalam perkara yang berkaitan dengan akidah, dan lain-lain lagi.

BAHAGIAN B: *Ulum Al-Hadis*

Soalan 6

Soalan (a) menghendaki calon menerangkan lima perbezaan antara hadis *Qudsi* dengan al-Quran. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik kerana mereka mempunyai maklumat yang cukup berkaitan soalan. Antara perbezaan yang diberikan oleh calon ialah mukjizat, pengertian, ganjaran pahala, dan sebagainya. Soalan (b) pula menghendaki calon mentakrifkan *matan* dan *sanad*, dan seterusnya menjelaskan kepentingan *sanad* dalam mempelajari hadis. Kebanyakan calon dapat memberikan takrif *sanad* dan *matan* dengan betul, namun mereka tidak dapat menjelaskan kepentingan *sanad* dengan baik. Antara kepentingan *sanad* dalam mempelajari hadis seperti mengetahui taraf hadis sama ada sahih atau tidak, lahirnya ilmu yang baharu seperti ilmu *rijal al-hadis*, dan lain-lain lagi.

Soalan 7

Soalan (a) menghendaki calon menjelaskan pembahagian sunnah menurut Ulama Usul Fiqh berserta contoh. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan tepat. Jawapan yang diberikan oleh calon ialah sunnah menurut Ulama Usul Fiqh terbahagi kepada tiga bahagian, iaitu Sunnah *Qauliyyah* (percakapan), Sunnah *Fi'liyyah* (perbuatan), dan Sunnah *Taqririyah* (pengakuan). Soalan (b) pula menghendaki calon menjelaskan hukum seseorang yang mengingkari Rasulullah SAW dengan mengemukakan dalil. Kebanyakan calon tidak dapat menjawab soalan ini dengan baik. Hal ini kerana mereka tidak dapat memberikan dalil untuk menyokong hujah mereka. Hukum bagi seseorang yang mengingkari Rasulullah ialah kafir dan sesat.

Soalan 8

Soalan (a) menghendaki calon memerihalkan riwayat hidup Muhammad bin Sirin. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Calon dapat memberikan nama penuh, tahun kelahiran, tempat kelahiran, tahun meninggal, ketokohan, dan akhlak tokoh yang dikehendaki dengan lengkap. Soalan (b) pula menghendaki calon menjelaskan ketokohan Muhammad bin Sirin dalam bidang hadis. Kebanyakan calon tidak dapat menjawab soalan ini dengan baik. Hal ini kerana mereka tidak memahami kehendak soalan. Jawapan sepatutnya yang diberikan oleh calon seperti Muhammad bin Sirin merupakan seorang perawi dan *marwi*, sangat berhati-hati dalam meriwayatkan hadis, menjadi rujukan, dan sebagainya.

Soalan 9

Soalan (a) menghendaki calon memerihalkan sejarah kemunculan ilmu *Rijal al-Hadis*. Kebanyakan calon tidak dapat menjawab soalan ini dengan lengkap. Calon hanya menerangkan sejarah kemunculannya pada zaman Rasulullah SAW sahaja. Calon seharusnya menerangkan sejarah kemunculan ilmu ini bermula dari zaman Rasulullah SAW, diikuti dengan zaman Imam yang mengasaskan kaedah *Jarh* dan *Ta'dil*, diikuti dengan penyusunan nama *rijal* dan guru, dan berakhir dengan penyusunan dan pengklasifikasian nama *rijal* dari sudut *kethiqahannya*. Soalan (b) pula menghendaki calon menjelaskan kepentingan mempelajari ilmu *Rijal al-Hadis*. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Antara jawapan yang diberikan oleh calon termasuklah dapat mengetahui keadaan para periwayat hadis, menyebarkan ruang penyelidikan terhadap sunnah Rasulullah SAW, mengetahui sejarah para periwayat hadis, dan lain-lain lagi.

Soalan 10

Soalan (a) menghendaki calon menghuraikan empat syarat hadis *Mutawatir*. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan sangat baik. Jawapan yang diberikan oleh calon ialah ia mestilah diriwayatkan oleh perawi yang ramai, diriwayatkan melalui perolehan pancaindera, bilangan perawi mestilah ramai pada setiap *tabaqat sanad*, dan pada kebiasaannya mustahil bagi perawi berpakat untuk melakukan pendustaan terhadap Rasulullah SAW. Soalan (b) pula menghendaki calon menjelaskan hukum hadis *Mutawatir* dengan mengemukakan pandangan ulama. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Hukum beramal dengan hadis *Mutawatir* adalah wajib dan kufur kepada sesiapa yang mengingkarinya.